

Agro



Galak petani muda
Bimbingan sistematik
tuai hasil lumayan »6



Pelihara hutan paya gambut
Selia pembangunan
dengan lebih teliti »7



KAYU BERUKIR

Ukiran yang cantik hasil seni masyarakat Orang Asli di Pulau Carey selalunya menggunakan kayu nyirih batu yang diperolehi di hutan paya bakau »2&3

ZON PENAMPAN hutan paya gambut

Antara syor elak kawasan diceroboh dalam usaha pemeliharaan



RENCANA

Teks dan gambar

Azman Zakaria

rencana@hmetro.com.my

Penanaman pokok di kawasan hutan paya gambut perlu ditambah bagi mengurangkan risiko kebakaran sekali gus menangani jerebu pada musim kering.

Timbalan Pengarah Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP) Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Ahmad Ainuddin Nuruddin berkata, meskipun agensi berkaitan melaksanakan usaha penanaman pokok terbabit, ia belum mencukupi.

Beliau berkata, ini kerana kawasan hutan gambut yang terbakar semakin membesar disebabkan kebakaran yang berulang di kawasan sama.

"Hutan paya gambut adalah ekosistem yang penting dan mempunyai pelbagai fungsi termasuk membekalkan ekosistem seperti pengawalan air dan penyimpanan karbon.

"Kebakaran di hutan paya gambut akan memusnahkan kepelbagaian biologi dan melepaskan partikel yang boleh menyebabkan jerebu," katanya.

Katanya, pembangunan kawasan berdekatan dengan hutan paya gambut perlu diseliasa dengan lebih teliti supaya tidak berlaku aktiviti pencerobohan hutan.

Malah, katanya, lebih baik jika diadakan zon penampakan untuk kawasan hutan paya gambut bagi memelihara daripada dicerobohi.

"Pada masa yang sama, penerokaan hutan paya gambut untuk pertanian perlu dikurangkan manakala kawasan tanah gambut pula tidak perlu dibuat terusan atau perparitan.

"Pada masa yang sama, penerokaan hutan paya gambut untuk pertanian perlu dikurangkan manakala kawasan tanah gambut pula tidak perlu dibuat terusan atau perparitan"

Dr Ahmad Ainuddin

"Ini kerana ia akan mengalirkan air yang tersimpan dalam tanah di kawasan berkenaan seterusnya menyebabkan tanah itu menjadi lebih kering," katanya.

Mengenai risiko kebakaran hutan, Ahmad Ainuddin berkata, meskipun suhu panas di beberapa negeri dengan kadar hujan yang kurang daripada biasa bagi tempoh Januari hingga Mac, umumnya kadar hujan lebih tinggi daripada purata yang dialami bagi tempoh yang sama tahun lalu.

"Tahun lalu terdapat musim kering yang panjang dan banyak berlaku kebakaran hutan. Tahun ini lebih baik daripada tahun lalu dan musim kering pada tahun lalu

lebih panjang.

"Suhu pada Februari dan Mac biasanya lebih tinggi kerana awan yang kurang ketika di akhir musim Monsun Timur Laut," katanya.

Beliau berkata, pada tahun ini juga El-Nino dijangka berada pada peringkat lemah, namun semua pihak perlu berjaga-jaga kerana pada ketika hujan yang kurang, keadaan di sesuatu tempat terutama belukar dan hutan akan lebih terdedah kepada kemungkinan kebakaran.

"Kebakaran hutan dan belukar terutama di kawasan tanah gambut selalunya berlaku pada Julai hingga Ogos, sehingga boleh mengakibatkan keadaan cuaca yang berjerebu.

"Sejak kebelakangan ini, trend cuaca sentiasa berubah di negara ini, maka setiap individu atau pihak yang berkenaan perlu bersedia untuk membuat persiapan awal untuk berdepan dengan keadaan seperti musim kering atau seumpamanya.

"Sikap bersedia dan berjaga-jaga boleh mengurangkan insiden kebakaran hutan paya gambut dan juga jerebu," katanya.



KEBAKARAN hutan di paya gambut.

HUTAN paya gambut.



PAYA gambut sesuai untuk tanaman.